

# Laporan Tahunan 2014

Annual Report

اَوْنُفُوسِيَّتِي تَيَكُونُ لُوْغِي مَبَارَا



Pada tahun 2014, lebih banyak projek KIK berasaskan P&P telah berjaya dihasilkan oleh kakitangan akademik. Salah satu projek KIK P&P juga telah memenangi Anugerah Emas di IID e-Learning yang berlangsung di SACC pada 14 November 2014.

Adalah diharapkan agar projek-projek KIK yang dihasilkan di UiTM mendapat sokongan berterusan daripada pihak atasan agar UiTM menjadi lebih efisien dalam proses pengurusan dan dapat menjana kos pendapatan daripada produk-produk yang dihasilkan.

## 6.1 *Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM ke 19 Peringkat UiTM 2014*

Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UiTM ke 19 Peringkat UiTM 2014 telah diadakan pada 20 hingga 22 Oktober 2014 bertempat di A'Famosa Resort Sdn Bhd. Konvensyen tahunan kali ke 19 ini telah dihadiri oleh lebih daripada 300 orang peserta yang terdiri daripada ahli kumpulan KIK, pemerhati dan jemputan daripada seluruh UiTM. Sebanyak 26 kumpulan dari zon tengah, timur, utara, selatan, Sabah dan Sarawak telah layak menyertai konvensyen ini.

Objektif konvensyen ialah untuk mempertandingkan hasil-hasil inovasi dan kreativiti oleh kumpulan-kumpulan KIK dari seluruh UiTM serta untuk memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada staf yang terlibat di dalam KIK. Kumpulan-kumpulan KIK perlu membuat persembahan kepada para juri tentang produk atau sistem yang dihasilkan. Konvensyen KIK ini ialah satu platform dimana ahli dapat mengenengahkan hasil inovasi mereka dan berkongsi ilmu serta memikirkan kaedah penambahbaikan yang sesuai bagi seluruh sistem UiTM. Warga UiTM yang tidak terlibat secara langsung juga dapat diperkenalkan kepada inovasi yang telah dihasilkan dan menimba ilmu untuk menghasilkan inovasi bermutu di masa akan datang.

### 6.1.1 **Pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat UiTM 2014**

Berikut ialah senarai pemenang bagi konvensyen tersebut:

#### **Johan**

AKAR (PERPUSTAKAAN, UiTM JOHOR)

#### **Naib Johan**

PROSERVE (PEJABAT TEKNOLOGI MAKLUMAT, UiTM SHAH ALAM)

#### **Tempat Ketiga**

TECHNOVATORS (FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UiTM PAHANG)

Berikut pula ialah senarai penerima anugerah mengikut kategori:

#### **Anugerah Inovasi ICT**

P-TECH (UiTM SHAH ALAM)

#### **Anugerah Inovasi Proses**

PROSERVE (UiTM SHAH ALAM)

#### **Anugerah Inovasi Teknikal**

AKAR (UiTM JOHOR)

#### **Anugerah Inovasi P&P**

IGNITE (UiTM PERAK)

#### **Anugerah Penjimatan Kos Sebenar Terbaik**

ADAM (UiTM PERLIS)

#### **Anugerah Penjanaan Kos Sebenar Terbaik**

AKAL (UiTM PERLIS)

#### **Anugerah Kumpulan Berpotensi**

MAGNUM OPUS (UiTM MELAKA)

#### **Anugerah Fasilitator Terbaik**

AKAR (UiTM JOHOR)

#### **Anugerah Dokumentasi Terbaik**

PARADIGMA (UiTM KELANTAN)

#### **Anugerah Persembahan Terbaik**

KRISTAL (UiTM PULAU PINANG)



Institut Kualiti & Pengembangan Ilmu (InQKA)  
Universiti Teknologi MARA  
Aras 2, Blok 11,  
INTEKMA Resort & Convention Centre,  
Persiaran Raja Muda, Seksyen 7,  
40000 Shah Alam, Selangor